

**PROJEK PENYELIDIK DARI FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN SAINS BIOMOLEKUL  
TERSENARAI SEBAGAI SALAH SATU PROJEK INOVASI DI DALAM  
INOVASI MALAYSIA 2022**



30 | INOVASI MALAYSIA 2022

## RAWATAN REMDII BUAT EKZEMA

Prof. Dr. Lai Oi Ming melalui pengalaman perit dalam mencari penawar ekzema untuk anaknya, Min Ho, yang mengalami kegatalan kulit sehingga merekah dan berdarah. Dia dan suaminya berusaha mencari dan meneliti bahan semula jadi yang boleh membantu anaknya serta mereka yang senasib dengannya. Beliau berjaya menghasilkan krim Remdii yang boleh merawat penyakit kulit itu. Produk tersebut berkesan dan selamat digunakan oleh mereka yang mengalami masalah kulit seperti ekzema dan kekeringan yang melampau.

Setelah menelaah dan mengkaji ratusan artikel jurnal, laporan dan buku, Dr. Lai mendapat bahawa ekzema merupakan sejenis keradangan kulit. Beliau dinasihatkan pakar untuk mengamalkan pengambilan krim steroid sebagai rawatan anaknya. Namun Dr. Lai menyedari bahawa steroid tidak selamat digunakan secara berpanjangan. Krim ekzema yang berada di pasaran pula mengecewakan kerana kebanyakan krim tersebut tidak memiliki elemen anti radang yang mampu merawat ekzema secara berkesan. Beliau juga mendapat vitamin yang digunakan dalam krim tersebut adalah berasaskan bahan sintetik dan murah yang tidak begitu berkesan dalam merawat ekzema.

Secara umumnya, lapisan dermis bagi pesakit ekzema harus diberi perhatian yang khusus kerana alergen berupaya menembusi kulit dan lapisan dermis. Keadaan ini menyebabkan sistem imunisasi badan bertindak balas dan mengakibatkan keradangan kulit. Dalam kajiannya, Dr. Lai telah menemui tocotrienol yang merupakan unsur bermanfaat untuk digabungkan dalam krim Remdii bagi membantu merawat ekzema dengan lebih berkesan.



Dr. Lai telah menujuhkan syarikat Lipidware Sdn. Bhd. yang mengeluarkan rangkaian krim Remdii. Beliau juga telah mengasaskan tiga lagi syarikat bagi menguruskan penyelidikan, pemasaran dan pengeluaran. Dr. Lai telah berjaya mendaftar dua paten hasil penyelidikannya dan mengadakan sidang akbar berkenaan di UPM. Beliau juga telah dirujuk oleh ramai pesakit kulit termasuk mangsa kebakaran dan pesakit kanser. Beliau kemudiannya memutuskan untuk mengkomersialkan produknya bagi membantu pesakit ini. Dr. Lai turut mewujudkan *Malaysian Eczema Support Community* di Facebook yang kini mencecah 49,000 pengikut. Produk beliau telah berjaya menembusi pasaran

Singapura dan Eropah seterusnya membuktikan keberkesanannya produk Remdii dalam merawat masalah kulit dan ekzema. Sehingga kini, Dr. Lai telah berjaya membantu merawat lebih seribu orang pesakit dengan berkesan.

Apabila ditanyakan tentang dugaan yang dialami dalam usaha mengkomersialkan produk, Dr. Lai jujur mengatakan bahawa pada suatu ketika dulu, tiada pihak yang sanggup bekerjasama denganannya dalam usaha sama rangkaian krim Remdii ini. Selain daripada itu, beliau masih mengalami kesukaran meyakinkan orang ramai, termasuk doktor tempatan, akan keberkesanannya produknya merawat ekzema. Dr. Lai bangga menyatakan bahawa produk rangkaian krim Remdii ini adalah antara yang terbaik di pasaran kini.

Rangkaian krim Remdii yang berkualiti tinggi ini boleh didapati di lebih 500 farmasi, 34 klinik dan dua hospital di Malaysia. Keberkesanannya ini membolehkan Dr. Lai terus mencipta rangkaian krim yang mampu memenuhi kehendak dan permintaan orang ramai.

Inovasi ini telah membantu Dr. Lai meraih kejayaan dan pengiktirafan termasuk menerima pencalonan Star Golden Heart 2019; Anugerah Malaysia Commercialization Year (MCY) untuk Penyelidikan dan Perkongsian Perniagaan, 2019; Anugerah Akademik Kebangsaan bagi kategori Inovasi dan Pengkomersialan, 2019; Pingat Emas di Anugerah Harta Intelek Negara bagi Kategori Paten (AHIN), 2018; WIPO: Anugerah Pingat Emas IP, 2018; Pingat Emas di ITEX 2017; dan Pingat Perak di PECPITA 2017.

Dr. Lai berharap masyarakat Malaysia percaya akan kualiti hasil penyelidikan universiti tempatan. Beliau sentiasa berusaha untuk membantu pesakit ekzema supaya dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa. Impian Dr. Lai adalah seperti apa yang dikatakan oleh anaknya, Min Ho, "Saya berharap suatu hari nanti, apabila orang fikirkan tentang ekzema, mereka akan fikirkan krim Remdii".

